

# Kehilangan besar buat negara - PM

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my


**PUTRAJAYA:** Tan Sri Dr. Ali Hamsa disifatkan seorang tokoh pentadbir awam yang sangat disegani dan dihormati semasa dalam perkhidmatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pemergian Ketua Setiausaha Negara Ke-13 itu adalah kehilangan besar buat negara yang menabur jasa dan bakti sepanjang berkhidmat.

"Mewakili Keluarga Malaysia, saya mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham dan mendoakan semoga mereka sabar serta tabah menghadapi dugaan ini.

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan bersama para solihin. Al-Fatihah," katanya dalam kenyataan semalam.

Ketua Setiausaha Negara da-



**ALI HAMSA**

ri tahun 2012 hingga 2018 itu meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Dublin, Ireland, semalam.

Perkara itu disahkan Ketua Se-

tiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali menerusi kenyataan akhbar.

Beliau mewakili seluruh warga perkhidmatan awam merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan menyifatkan arwah adalah seorang tokoh besar dalam perkhidmatan awam negara.

"Allahyarham yang juga anak jati Johor dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara ke-13 dan mula menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1981.

"Menelusuri sejarah gemilang perkhidmatannya, Allahyarham telah menabur bakti di pelbagai kementerian dan jabatan antaranya di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Kementerian Pengangkutan; Unit Perancang Ekonomi; INTAN; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri," katanya.